



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 17 NOVEMBER 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PENGUATKUASAAN APMM AMANKAN PERAIRAN MALAYSIA, FOTOESEI SINAR, SH -40	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	KETENGAH HASIL INOVASI PERTANIAN, JOM KE HPPNK 2019, SH -3	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
3.	FAMA MELAKA SIAP SEDIA AGIH KMP, SINAR NEGERI SEMBILAN / MELAKA, SH -34	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)

UKKMOA

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**



Suspek yang ditahan dalam Ops Ehsan yang dilaksanakan oleh APMM pada 23 hingga 27 September lalu di kawasan perairan Selat Melaka.

Penguatkuasaan APMM amankan perairan Malaysia

Kehabatan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang bertanggungjawab menjaga perairan negara sudah terbukti dengan pelbagai kejayaan.

Agensi penguatkuasaan itu yang sudah berusia 14 tahun diberikan peranan yang penting untuk menjaga kawasan perairan negara daripada sebarang unsur jenayah dan aktiviti penyeludupan.

Selain itu, APMM juga giat menjalankan pemantauan terhadap aktiviti nelayan-nelayan asing di Malaysia.

APMM ditubuhkan selepas satu kajian yang dijalankan oleh kerajaan pada April 1999.

Hasil kajian tersebut menunjukkan penguatkuasaan berkaitan maritim tidak begitu berkesan kerana terlalu banyak agensi yang terlibat.

Perkara itu mengakibatkan pertindihan dari segi fungsi dan bidang tanggungjawab serta penggunaan sumber tidak ekonomik.

APMM telah ditubuhkan dengan penubuhan satu Tim Nukleus yang ditugaskan untuk menjalankan segala usaha yang perlu bagi mewujudkan agensi tersebut.

Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004 (Akta 633) telah diwartakan pada 1 Julai 2004 dan telah

dikuatkuasakan pada 15 Februari 2005.

Majlis memperkenalkan APMM telah diadakan pada 10 Oktober 2005.

APMM telah memulakan operasi pada 30 November 2005. Pelancaran rasmi APMM telah diadakan pada 21 Mac 2006.

Menyadari hakikat bahawa peranan dimainkan APMM agak besar dalam memantau perairan negara, *Sinar Harian* berkesempatan mengikuti Ops Ehsan bersama APMM pada 23 hingga 27 September lalu.

Operasi selama lima hari itu menumpukan kawasan perairan Selat Melaka yang bertujuan memantau bot-bot milik nelayan tempatan yang disewakan kepada warga asing.

Beberapa tindakan penguatkuasaan telah diambil oleh APMM terhadap bot-bot yang dilalibabakan oleh pihak tidak bertanggungjawab bagi mengaut keuntungan dengan cara mudah.

Pada April lalu, Kabinet meluluskan penubuhan satu pasukan petugas khas yang disertai empat Kementerian dan tujuh agensi bagi menangani isu pencerobohan nelayan asing warga Vietnam dalam perairan negara.

Pasukan petugas khas berkenaan diketuai oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan disertai oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/11/2019	SINAR HARIAN	FOTOESEI SINAR	41



Asot APMM bersedia sedia sebelum memulakan pelayaran yang bermula di Pusat Hidrografi Nasional Malaysia, Putau Indah, Selangor.



Anggota APMM membuat gimik dalam Ops Ehsan.



Ketua Pemerintah APMM memeriksa dokumen seorang suspek yang ditahan dalam Ops Ehsan.



Bot nelayan diperiksa dalam Ops Ehsan bagi memastikan bot nelayan Malaysia tidak disarawak kepada warga asing.



Suspek yang ditahan dalam Ops Ehsan APMM pada 23 hingga 27 September lalu.

(MOA), Kementerian Pertahanan dan Kementerian Luar.

Sebanyak tujuh agensi penguat kuasa dan keselamatan yang terlibat ialah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Jabatan Perikanan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Jabatan Imigresen dan Suruhanjaya Pen-

cegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Pasukan berkenaan diwujudkan selepas laporan media mengenai perbuatan pengusaha bot tempatan yang memberi manfaat kepada nelayan Vietnam.

Lebih mengejutkan adalah kewujudan bot-bot klon di beberapa wilayah di Vietnam.

Bot klon berkenaan bebas

menangkap ikan di perairan Malaysia selepas membeli lesen daripada tauke nelayan tempatan dengan bayaran sebanyak RM40,000 hingga RM100,000 selain bayaran bulanan sebanyak RM8,000 hingga RM12,000.

Kegiatan tersebut berleluasa dengan bantuan dalang rakyat Vietnam di Malaysia dan 'orang dalam' pihak berkuasa.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/11/2019	SINAR HARIAN	JOM KE HPPNK 2019	3

SINAR HARIAN • AHAD 17 NOVEMBER 2019



HPPNK 2019 sasar 500,000 pengunjung, RM30 juta transaksi

Ketengah hasil inovasi pertanian

HARI Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2019 dijangka menarik kehadiran 500,000 pengunjung dan menjana RM30 juta transaksi sepanjang empat hari pengajuannya di Angsana Johor Bahru Mall, Johor bermula 28 November hingga 1 Disember depan.

Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Azulita Sallim berkata, HPPNK 2019 melibatkan kerjasama Kerajaan Negeri Johor dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Menurutnya, LPP sebagai agensi pelaksana akan memberikan peluang dan ruang kepada masyarakat peladang, penternak dan nelayan, sama ada melalui pemerhatian serta pembelajaran dalam teknologi baharu pertanian, mencari ruang pasaran, mempromosi serta mempromosi produk masing-masing.

"HPPNK 2019 diadakan di Johor sempena Tahun Melawat Johor 2020 dan setiap tahun sambutan ini diadakan sebagai tanda kerajaan menghargai sumbangan peladang, penternak dan nelayan yang menjadi penyumbang utama makanan di negara ini," katanya kepada Sinar Harian.

Bellau berkata, HPPNK pada tahun ini merupakan salah satu platform kepada peladang, penternak dan nelayan untuk mengetengahkan hasil-hasil pertanian dan teknologi terkini serta membuka peluang pemiagaan kepada mereka yang berminat dengan sektor itu.

"HPPNK tahun ini menghimpunkan segala hasil dan bahan pertanian terbaik dari seluruh negara dan dijangka mendapat sambutan dengan beberapa tarikan baharu," katanya.

Menurutnya, HPPNK 2019 menyasarkan semua lapisan masyarakat peladang di seluruh negara dan dijangka turut menarik pengunjung dari negara jiran seperti Singapura serta Indonesia.

Katanya, Angsana Johor Bahru Mall dipilih kerana lokasinya yang strategik dan menjadi tumpuan pengunjung sekitar Johor Bahru.

"Di tapak ini, kita akan bangunkan marquee tent besar yang akan memuatkan enam aktiviti utama iaitu makanan dan minuman, gaya hidup, kesejahteraan, hasil pertanian, agro teknologi dan pembangunan modal insan.

"Aktiviti merangkumi 15 komponen iaitu, pertandingan HPPNK dan konvensyen, showcase agro teknologi, mekanisasi dan automasi, agro pelancongan, agro kulinari, agro bella, empayar makanan, jualan

"HPPNK 2019 diadakan di Johor sempena Tahun Melawat Johor 2020 dan setiap tahun sambutan ini diadakan sebagai tanda kerajaan menghargai sumbangan peladang, penternak dan nelayan yang menjadi penyumbang utama makanan di negara ini"

- Azulita Sallim



segar, MySeafood, Forum Perdana Ehwah Islam, budaya dan seni tani, kenduri rakyat nasi ambeng, hasil pertanian, perikanan dan temakan," katanya.

13 PAVILION NEGERI TARIKAN UNIK

HPPNK sinonim dengan ekspso pameran dan jualan kedua terbesar di Malaysia selepas Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Antarabangsa (MAHA).

Azulita berkata, pengunjung boleh menikmati pengisian aktiviti dan pengalaman pertanian di lapang ruang tapak utama serta terdapat 13 pavilion negeri yang masing-masing mempunyai reka bentuk unik.

Menurutnya, pavilion-pavilion negeri menampilkan ciri-ciri negeri-negeri di Malaysia termasuk produk, makanan, kebudayaan dan lain-lain.

Katanya, satu lagi tarikan ialah jualan bahan-bahan pertanian dari makanan antaranya produk-produk Industri Asas Tani (IAT), buah-buahan dan sayuran segar, anak pokok dan bunga-bunga, ikan, makanan laut segar serta kerang-kerangan.

"Forum Perdana Ehwah Islam akan disiarkan secara langsung buat Julung kalinya dari tapak HPPNK 2019 di Angsana Johor Bahru Mall pada 28 November 2019," katanya.

Forum dibawa khas oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan AgroBank bersama-sama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Radio Televisyen Malaysia (RTM), Jabatan Agama Islam Negeri Johor

(JAINU) dan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAU).

Forum Perdana kali ini menampilkan panel-panel beribawa iaitu Datuk Ahmad Badlishah Afaudin, Ustaz Ghazali Ibrahim, Sahibus Samahah Datuk Yahya Ahmad dan Mohd Hariri Mat Daud sebagai moderator.

Azulita berkata, bagi elemen baharu HPPNK kali ini, Malam Budaya dan Seni tani bakal menampilkan persembahan kebudayaan seperti zapin, pulis, sajak, syair, teater menunggu kata dari tuhan, angklung dan konsert artis jemputan seperti Datuk Ramli Sarip dan Nabila Razali pada malam kedua dan ketiga HPPNK 2019.

Katanya, HPPNK sentiasa popular dengan jualan segar hasil pertanian, makanan dan minuman yang mana 345 menu juaah popular yang bakal mengetengahkan menu etnik dari seluruh Malaysia akan dibawakan.

"Makanan mencirikan budaya dan warisan sesebuah bangsa. Makanan menyatukan kita dan dengan makanan juga kita bersatu dengan 13 negeri bergabung dalam menjolokkan kepelbagaian rencah rasa dan budaya negeri dalam satu 'Empayar Makanan' di HPPNK 2019.

"Empayar Makanan HPPNK 2019 kali ini akan menjolokkan pelbagai menu etnik dan warisan dari setiap negeri di Malaysia seperti laksa, bilun sup, char kuew teow, rendang tok, nasi lemak, masak lemak cili api, asam pedas, otak-otak, keropok lekor, pudding raja, nasi kerabu, nasi dagang, mee kolok dan latok serta pelbagai jenis kulh tradisional," katanya.



Bellau berkata, pameran jabatan dan agensi serta swasta berasaskan pertanian juga tidak ketinggalan diadakan sepanjang tempoh empat hari tersebut.

MILIKI JENAMA, TRADISI DAN PENGKUT SENDIRI

Sambutan pelbagai pihak terhadap HPPNK 2019 amat menggalakkan dan sekurang-kurangnya 350 gerai jualan dibuka untuk disewa dalam kluster pemasaran produk sepanjang HPPNK nanti.

Azulita berkata, produk-produk yang akan diketengahkan nanti akan disegmakan melalui ciri-ciri seperti ready to export (RTE), nilai estetik, wellness, celebrity corner, produk kering, jualan segar dan basah, makanan dan minuman.

Booth-booth jualan dibuka untuk tempahan dan 90 peratus booth jualan telah ditempah. Mereka yang berminat mendapatkan tapak, boleh menghubungi talian 03-89484699 dan 016-20173452 atau emel pemasaranprodukhppnk2019@gmail.com.

"Saya yakin kita boleh mencapai sasaran 500,000 orang pengunjung kerana HPPNK mempunyai jenama, tradisi dan pengikutnya sendiri.

"Kita ada pelbagai tarikan baharu seperti kenduri rakyat nasi ambeng, budaya dan seni tani serta job fair," kata Azulita.

Bellau berkata, tema Makanan Kita Masa Depan Kita dikekalkan pada tahun ini kerana sinonim dan relevan dengan dasar serta hala tuju Kementerian yang dikemukakan melalui Halatuaju Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani - Prioriti dan Strategi 2019-2020.

KONSEP PEMODENAN PERTANIAN, TEKNOLOGI

HPPNK 2019 mengetengahkan konsep pemodenan pertanian dan teknologi dalam Industri agromakanan negara.

Melalui kecanggihan teknologi, lebih banyak produk pertanian dapat dihasilkan dengan lebih efektif dan secara tidak langsung dapat meneraju kedaulatan makanan negara, sekali gus menjadikan negara mengamalkan pertanian moden sepenuhnya menjelang 2030.

Azulita berkata, antara yang menarik bakal dipamerkan di HPPNK 2019 adalah dron yang boleh digunakan dalam sektor pertanian dan Internet of Things bagi menggalakkan Industri pertanian Malaysia beralih kepada Internet-based Agriculture, memenuhi penggunaan Teknologi Digital dan IR 4.0.

"HPPNK 2019 turut mengetengahkan kepentingan pemodenan, teknologi dan inovasi pertanian dalam industri agromakanan negara serta dijangka akan menyediakan kerjasama ruang untuk perdagangan, pelaburan, kerjasama dan pemindahan teknologi.

"Ia juga menjadi platform perkongsian idea untuk membangunkan import dan eksport pasaran sekali gus menjalin pakatan antarabangsa serta membina strategi untuk meningkatkan pasaran salingan," katanya.

Bellau berkata, pengajuannya sambutan seperti ini diharapkan dapat menarik minat golongan muda menceburi bidang pertanian dan memberikan semangat kepada golongan peladang, penternak dan nelayan kerana usaha itu boleh menjana pendapatan yang tinggi bagi mereka yang berkecimpung dalam bidang pertanian.

JOM KE HPPNK 2019
HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN KEBANGSAAN

345 MENU ETNIK

350 GERAI USAHAWAN

TRAK MAKANAN

AKTIVITI MENARIK

PAMERAN HASIL PERTANIAN, TERMAKAN DAN AKUAKULTUR

AGRO BELIA	AGRI PELABURAN
MYSEAFOOD	EMPAYAR MAKANAN
AGRO KULINARI	KONVENSYEN HPPNK
FORUM PERDANA	BUKATA DAN SENI TANI
JUALAN TANI SEGAR	PERTANDINGAN HPPNK
AGRO BELIA	TRAK DAN TERMAKAN

28 NOVEMBER - 1 DISEMBER 2019
PADANG A & PADANG B, ANGSANA JOHOR BAHRU MALL
10.00 PAGI - 10.00 MALAM

@hppnk2019
#makanankitamasadepankita
HPPNK 2019

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/11/2019	SINAR HARIAN	SINAR N9/ MELAKA	34

FAMA Melaka siap sedia agih KMP

MELAKA TENGAH - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Melaka akan menyediakan kit makanan permulaan (KMP) untuk diagihkan kepada penduduk terjejas banjir di negeri itu.

Pengarahnya, Che Samudin Hassan berkata, berdasarkan kepada pengalaman lalu, kira-kira 10,000 KMP diperlukan untuk disalurkan ke pusat-pusat pemindahan banjir di sekitar Melaka.

Menurutnya, jumlah itu berteepatan dengan bilangan mangsa banjir yang diperoleh sebelum ini dan ia tidak boleh melebihi sasaran itu kerana bimbang barangan makanan seperti sardin, biskut, kopi dan gula mempunyai tarikh luput dan sukar untuk dipulangkan semula sekiranya terdapat lebih KMP.

"Kita akan bekerjasama dengan Nadma (Agensi Pengurusan Bencana Negara) dan jika mendapat arahan terdapatnya mangsa banjir, FAMA Melaka akan mengambil KMP di lokasi simpanan kita di FAMA Dengkil, Selangor.

"Sebanyak 10,000 bungkusan KMP itu berdasarkan jumlah yang



Che Samudin (kanan) menyampalkan sumbangan kepada pesakit strok, Rafeah Azli, 52, pada program BPR di Bukit Tempurung, Banda Hilir semalam.

kita pernah beri pada tahun lalu kepada mangsa-mangsa banjir dan percaya bilangan itu lebih kurang sama pada persediaan tahun ini," katanya.

Che Samudin berkata demikian pada sidang akhbar selepas program Bazar Peduli Rakyat (BPR) yang disempurnakan oleh Exco Pertanian, Pembangunan Usaha-

wan, Koperasi dan Industri Asas Tani Melaka, Datuk Norhizam Hassan Baktee di Bukit Tempurung, Banda Hilir di sini semalam.

Hadir sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Banda Hilir, Datuk Tey Kok Kiew dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Datuk Mansor Sudin.